

24 APR 2001

Yayasan-sumbangan

MALAYSIA BERI KESEMPATAN KEPADA GOLONGAN MISKIN UBAH SIKAP

TUMPAT, 24 April (Bernama) -- Malaysia adalah satu-satunya negara yang memberi kesempatan kepada golongan miskin mengubah kehidupan sosial mereka dengan menyediakan pelbagai program kebajikan, kata isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood.

Beliau berkata nasib golongan itu yang dulunya miskin berubah kepada kehidupan lebih baik serta berkedudukan lebih tinggi.

"Hari ini anak-anak orang kampung yang dulunya miskin sudah berstatus mulia dalam masyarakat, sudah jadi kaya, berjawatan tinggi dan pentadbir negara," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Yayasan Darul Hanan, Pondok Tok Selehor di sini, hari ini.

Endon berkata bagi golongan yang kaya telah menjadi penderma yang bertanggungjawab terhadap golongan miskin tanpa mengira kedudukan dan taraf hidup.

"Mereka bersedekah, berzakat dan beramal jariah, mengagihkan kekayaan kepada golongan yang kurang bernasib baik," katanya.

Pada majlis itu beliau menerima sumbangan sebanyak RM70,000 bagi pihak Yayasan Darul Hanan termasuk RM50,000 yang disumbangkan oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia dan RM20,000 lagi dari dua syarikat tempatan.

Beliau turut menyampaikan sumbangan peribadinya sebanyak RM10,000 yang diserahkan kepada pengerusi Darul Hanan, Datuk Dasuki Haji Ahmad yang juga Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain itu Endon turut menyumbangkan lima buah mesin jahit dan satu set komputer untuk kegunaan pengurusan pejabat yayasan.

Dasuki yang berucap pada majlis itu berkata Yayasan Darul Hanan menjaga kebajikan 40 orang tua dan 143 orang anak-anak yatim dengan bantuan sepenuhnya termasuk makan-minum, pakaian dan tempat tinggal.

Katanya jadual harian penghuni tua akan mengikuti pengajian agama yang dikira aktiviti rutin penghidupan harian mereka manakala anak-anak yatim diberi pendidikan yang secukupnya.

--BERNAMA

MNR BD ZB